

Jilid V
No. 11



Hari Khamis
22hb Ogos, 1968

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
2317]**

USUL:

**The Courts of Judicature (Amendment) Bill, 1968 (Me-
nyerahkan kepada Jawatan-kuasa Pilehan Khas [Rua-
ngan 2349]**

**Substitution of Death Sentence by Imprisonment on
Persons convicted under I.S.A. in connection with
Indonesian confrontation (Withdrawal of Motion) [Rua-
ngan 2351]**

**PENANGGOHAN MAJLIS DENGAN TIDAK DI-
TETAPKAN HARI MESHUARAT [Ruangan 2352]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Khamis, 22hb Ogos, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Kesihatan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATU GANIE GILONG, P.D.K. (Sabah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).

- Yang Berhormat Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

jawatan² teknikal yang boleh di-sifatkan sebagai professional ia-lah 158 orang dan yang bukan teknikal 69 orang.

Kebanyakan jawatan² teknikal atau professional yang saya sebutkan tadi kebanyakan-nya doktor² dalam Bahagian I dan ada 11 orang, Pengelola² Sekolah dua orang dan di-dalam Bahagian II Pembantu Teknik sementara, ia-itu 6 orang dan kebanyakan dalam Bahagian III ia-lah Pembantu² Rumah Sakit, kerana Pembantu² Rumah Sakit dalam Bahagian III ini di-kehendaki di-ambil balek orang² yang bersara itu oleh sebab kekurangan kakitangan Kerajaan di-dalam rumah sakit. Dengan ada-nya Rancangan Luar Bandar, banyak klinik² telah di-buka di-serata² tempat dan tidak dapat kita hendak adakan kakitangan menchukupi hendak mengisikan klinik² ini kerana Pembantu Rumah Sakit ada-lah di-kehendaki training sa-lama 4 tahun, 3 tahun, dan

bukan-lah saya ini anti-orang² tua bekerja, tetapi memberikan peluang kepada orang² muda kita kerana pensioners ini pun ada di-bayar, jadi dudok-lah mereka itu rehat. Ini soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Perdana Menteri: Sa-bagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, tiap² 6 bulan kita timbangkan di-atas hal² ini. Sa-kira-nya kita dapati ada orang muda harus mengisikan tempat² itu jadi orang² tua yang tersebut itu kena-lah berhenti. Tetapi bagaimana sekolah, ini satu perkara yang penting—pelajaran ini. Jadi kebanyakan orang² yang muda yang masok belajar sudah tentu tak dapat hendak mengambil tempat menggantikan orang² tua ini, kerana kekurangan kepandaian dan kekurangan pengalaman. Jadi bukan-lah kita hendak menahan pemuda² masok, boleh di-katakan orang² yang chukup

rumah dan, jika ya, berapa peratus-kah faedah yang di-kenakan ka-atas pinjaman² ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kepada (a) di-dalam Lembaga Kumpulan Wang Pekerja² pada masa ini hanya ada sa-orang sahaja ra'ayat Singapura dan orang itu tidak berhak mendapat sa-barang kesenangan sa-bagaimana yang kita beri kepada orang² kita kerana pekerjaan-nya chuma-nya untuk sementara—kesenangan yang saya sebut tadi ia-lah sa-umpama kesenangan pinjaman wang untuk membeli motokar dan sa-bagai-nya. Orang ini bekerja sa-bagai machine operator bagaimana saya kata sementara sahaja, itu di-dalam Lembaga Kumpulan Wang Pekerja².

(b) banyak-nya ra'ayat Singapura yang berkhidmat dengan Lembaga Letrik Negara pada masa ini ada-lah 18 orang. Mereka ada-lah di-beri kemudahan² saperti pinjaman wang untuk membeli motokar yang tidak di-kenakan faedah dan pinjaman² untuk mendirikan rumah yang di-kenakan faedah sa-banyak 6%. Orang² ini, sa-bagaimana saya kata, ada 18 orang sahaja dan mereka ini bekerja daripada asal lagi.

Berkenaan dengan soalan (c), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, ini tidak ada orang² Singapura, kerana ini di-jalankan oleh orang² ra'ayat Malaysia sendiri dan lain² tidak ada yang dapat saya sebutkan melainkan dalam pekerjaan² buroh yang ada-lah banyak. Ini tak dapat-lah saya hendak berikan satu persatu berkenaan banyak mana yang ada orang² ini dan apa chara kerja mereka, tetapi bagaimana saya telah sebut dahulu itu ada-lah orang² daripada Singapura yang bekerja di-sini dekat dengan 50 ribu orang atau 60 ribu orang.

TUNTUTAN FILIPINA KA-ATAS SABAH—KUASA PERWAKILAN MALAYSIA KA-PERSIDANGAN BANGKOK UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

3. Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat) [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Luar Negeri sa-jauh mana kuasa yang telah di-berikan

kapada Perwakilan Malaysia ka-Persidangan Bangkok untuk membuat sa-barang keputusan dan langkahan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soal ini hari² boleh di-katakan kena bangkit jawab. Jadi bagi menjawab soal yang bertanya apa-kah kuasa yang kita beri kepada wakil² kita yang hadir pada persidangan di-Bangkok berkenaan dengan tuntutan Filipina terhadap Sabah itu, kuasa yang di-berikan oleh kita boleh di-katakan kuasa penuh. Jadi kuasa yang di-berikan boleh menimbangkan di-atas tuntutan² daripada Filipina itu dan apa isi² tuntutan itu dan kuasa-nya jikalau nampak tidak ada isi di-dalam tuntutan itu, dia berkuasa menolak tuntutan itu. Ini-lah yang di-buat sama-sama Persidangan yang di-adakan di-Bangkok.

TUNTUTAN FILIPINA KA-ATAS SABAH—CHARA² UNTUK MENYELESAIKAN

4. Wan Hassan bin Wan Daud [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Luar Negeri apa-kah chara² Kerajaan sa-lanjut-nya untuk menyelesaikan tuntutan Filipina ka-atas Sabah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan, kira-nya tuntutan itu tidak berisi tidak lagi-lah kita boleh buat apa² di-atas ini melainkan menolakan sahaja dan tidak kita berchadang hendak memanjangkan² hal itu lagi, melainkan chuma-nya apa yang kita hendak berunding ia-lah bagaimana chara-nya harus kita bekerja baik oleh kerana kepentingan keselamatan di-Tenggara Asia ini bukan di-atas tuntutan Filipina terhadap dengan Sabah.

Tuan Mustafa bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana-kah kedudukan sa-telah perjumpaan ASEAN di-antara Timbalan Perdana Menteri kita, Tun Abdul Razak, di-Jakarta dengan Menteri Luar Filipina yang mengatakan bahawa sa-nya untuk sementara waktu perkara ini akan di-tenangkan dan akan di-rundingkan di-masa akan datang, apa-kah kenyataan itu benar atau tidak

untuk merundingkan masa ini, masa hadapan yang akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana saya telah katakan perundingan yang akan diadakan bukan di-atas tuntutan ini chuma-nya atas chara² yang kita boleh membaik²an antara satu negeri dengan lain negeri. Sa-takat itu-lah yang harus kita berchakap bukan di-atas hal tuntutan Sabah lagi.

Wan Hassan bin Wan Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubong dengan rundingan Timbalan Perdana Menteri di-Jakarta baharu² ini boleh-kah Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri memberj tahu Dewan ini berapa lama-kah tempoh bertenang yang di-katakan telah dipersetujui dalam rundingan di-Jakarta baharu ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri ia-itu ikut kehendak kedua² negeri itu tempoh masa-nya.

TUNTUTAN FILIPINA KA-ATAS SABAH—PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP KEMUNGKINAN SEBAB PENOLAKAN TUNTUTAN

5. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu) bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri:

- (a) bagaimana-kah pendirian Malaysia berikutan dengan penolakan tuntutan Manila terhadap Sabah dan kemungkinan terputus hubong diplomatik-nya dengan kita;
- (b) sama ada kita akan mengukuhkan kekuatan² tentera kita di-Malaysia Timor untuk menghadapi segala kemungkinan;
- (c) ada-kah beliau akan menimbang, untuk kepentingan ASEAN dan juga untuk kepentingan serta ketegohan negara² Asia Tenggara, membawakan pertelingkahan ini ka-peringkat-nya ia-itu perundingan di-antara beliau dengan Presiden Marcos malahan beliau sendiri akan menjalankan daya

usaha mengadakan perbincangan tersebut sa-kira-nya Presiden Marcos berasa segan hendak mengambil langkah permulaan.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini saya telah memberi penjelasan sa-malam dengan panjang lebar-nya di-atas semua aspek masalah tuntutan Filipina terhadap Sabah itu. Dan pendirian Malaysia berkaitan dengan tuntutan ini telah di-terangkan, ia-itu kita berpendapat bahawa tuntutan itu tidak ada asas-nya daripada segi undang² atau pun dari segi politik dan kita hanya-lah sanggup hendak membinchangkan soal² untuk hendak berbaik² di-antara Malaysia dengan Filipina.

Berkenaan dengan masalah kemungkinan sama ada Filipina mungkin memutuskan hubong diplomatik dengan kita pehak Filipina belum-lah mengambil langkah ini, sunggoh pun Filipina telah mengishtiharkan hendak memanggil balek Duta² Besar-nya dan pegawai² di-sini, tetapi langkah ini belum di-ambil lagi. Bagi pehak kita, kita tidak berchadang hendak mengambil apa² langkah pada masa ini.

Bahagian yang kedua, berkenaan dengan chadangan hendak mengukuhkan kekuatan tentera di-Malaysia Timor saperti saya telah terangkan sa-malam juga keselamatan negara kita ada-lah di-kawal baik oleh tentera kita baik di-Malaysia Timor, atau pun di-Malaysia Barat, dan jika timbul apa² anchaman di-atas keselamatan Malaysia Timor tindakan yang sa-wajar-nya akan diambil oleh Kerajaan bagi memperkuatkan pertahanan daerah itu.

Bahagian yang ketiga, perkara ini pun saya telah terangkan sa-malam, ia-itu kita sedia hendak berbaik² dengan pehak Filipina dan jikalau pehak Filipina suka hendak berunding di-atas perkara² yang boleh menguatkan kerjasama di-antara kedua negara dalam lapangan iktisad dan dalam lapangan keselamatan, kita sedia hendak berunding, dan kita sentiasa mementingkan kerjasama dalam ASEAN dan kita harap pehak Filipina pun mempunyai perasaan yang sa-macam itu.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Prime Minister aware that on this issue, while the Government has the whole-hearted support of the Opposition, the Government should not do anything that may give offence to the Philippines Government? The Government should not flex its muscles too much and thereby give offence to a country with which, as the Deputy Prime Minister himself has stated, we should seek to live on friendly terms.

Tun Haji Abdul Razak (*dengan izin*): Sir, as I have said, we have done everything possible to try and play this down. We have agreed in Jakarta, the Foreign Secretary of Philippines, Mr Ramos and myself have agreed in Jakarta, that we should endeavour to have a cooling off period and we should do everything possible to play this down. That is what we have done and, as far as I know, we have not done anything to provoke the Philippines. Indeed, we have endeavoured to keep quiet, except that when Opposition Members ask questions in this House, we have to reply to them; otherwise we will be keeping quiet on this issue (*Laughter*).

SUSUNAN SA-MULA PERKHIDMATAN 'AWAM

6. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri (a) ada-kah beliau akan menimbang menyusun sa-mula perkhidmatan 'awam negeri ini supaya ia sesuai dengan zaman pembangunan sekarang ini, yang menuju ka-arah masyarakat yang moden, oleh kerana sa-kira-nya Kerajaan hendak melaksanakan rancangan² moden dengan jaya-nya, perkhidmatan 'awam negeri ini mesti-lah di-modenkan dahulu; dan (b) ada-kah beliau sedar bahawa sa-tengah² kakitangan Kerajaan kita tidak padan dengan jawatan mereka, dan bahawa pegawai² ini-lah yang menjadi penghalang kepada pembangunan negara, dan jika sedar, apa-kah tindakan beliau berchadang hendak ambil terhadap mereka.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan telah meng-

ambil langkah semenjak tahun 1960 untok hendak mengemaskan bentuk pentadbiran di-negara kita ini terutama sa-kali dalam lapangan² pelaksanaan rancangan² pembangunan dan kita telah mengadakan Bilek² Gerakan di-Perengkat Kebangsaan dan di-Perengkat Negeri dan juga di-perengkat Jajahan dan bagitu juga Kerajaan telah mengadakan teknik² pelaksanaan rancangan² pembangunan yang telah membolehkan kita melaksanakan rancangan² pembangunan dengan jaya dan dengan maju-nya.

Bagitu juga pehak Kerajaan telah menubuhkan satu Bahagian Kemajuan Pentadbiran di-Jabatan Perdana Menteri dan bahagian ini sentiasa menjalankan langkah² untok hendak membaiki pentadbiran negara kita ini dan memberi latehan² kepada pegawai² Kerajaan. Latehan² telah di-beri kepada semua pegawai² daripada perengkat rendah sa-hingga ka-perengkat atas. Dan di-harap dengan latehan² ini kita dapat-lah menguatkan semangat pegawai² kita mengubahkan chara² mereka itu bekerja daripada chara colonial dahulu kepada chara moden dan dengan itu kita berharap bentuk pentadbiran negara kita menjadi lichin dan baik saperti yang kita kehendaki. Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan ada-lah menggalakkan pegawai² specialist ia-itu menentukan yang mereka itu hendak mengambil bahagian dalam lapangan² yang tertentu saperti lapangan Administrative Management atau pun Economic Administration atau pun Foreign Affairs atau pun Defence dan Security. Jadi dengan chara specialisation ini kita harap dapat memberi latehan yang lebeh sempurna lagi kepada pegawai². Jadi dengan langkah² yang di-sebutkan ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan berharap daripada satu masa ka-satu masa kita dapat memperbaiki lagi jentera pentadbiran, sunggoh pun pada hari ini kita berasa puas hati dengan keadaan pentadbiran negara kita, akan tetapi dengan usaha² ini kita dapat-lah memperbaiki lagi keadaan itu.

KELAMBATAN MENUBOHKAN MAJLIS WHITLEY KEMEN- TERIAN PERTAHANAN

7. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah Kerajaan sedar bahawa Kementerian maseh lagi melambat²kan usaha mewujudkan kembali Majlis Whitley Jabatan, jika sedar, bila-kah Majlis itu hendak di-wujudkan sa-mula.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, satu Perlembagaan baharu untok Majlis Whitley Kementerian Pertahanan sedang di-sediakan. Majlis Whitley ini akan di-tubuhkan sa-mula apabila Perlembagaan baharu telah siap di-persetujukan oleh semua pehak yang berkenaan dan juga Majlis Angkatan Tentera. Pehak Kementerian berharap dapat berunding dengan wakil² majikan di-atas rang Perlembagaan ini sa-belum membuat keputusan.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister of Defence inform this House, in the first instance, why was there unilateral action on the part of the officials of this Ministry to dissolve the Whitley Council of the Ministry of Defence?

Tun Haji Abdul Razak (*dengan izin*): Sir, it was necessary to take this action because it was found that there were two unions which were not represented in the Whitley Council, and that is why it was thought that it would be better to have a new Whitley Council, to amend the constitution, so that all unions in the Ministry of Defence could be represented in one Whitley Council. As I said, we have now drafted the new constitution for the new Whitley Council and we have invited all the unions to come and discuss it with the representatives of the Ministry of Defence, so that we can come to an agreement to have a new Whitley Council.

Dr Tan Chee Khoon: If it was thought necessary by the officials of the Ministry of Defence to dissolve the Whitley Council, in order to bring two other unions into the fold, why were

there no consultations held with the existing members of the Whitley Council before the Whitley Council itself was dissolved?

Tun Haji Abdul Razak: It was not thought necessary to do that because, as I said, there are other unions which were not represented. Now, as we are having a new Whitley Council, it is proposed that we consult all the representatives of the unions.

Dr Tan Chee Khoon: Is the Honourable Minister of Defence aware that the Armed Forces Civilian Staff Union has taken a secret ballot on this matter and that an overwhelming number of the members of that Union have opted for strike action and that this strike action has the backing of the T.U.C.? Is the Honourable Minister aware then that this arbitrary action on the part of the Ministry officials has given rise to serious misgivings about the usefulness of the Whitley machinery in the Ministry of Defence?

Tun Haji Abdul Razak: I am aware of this and this is not the first time that this Union has taken a ballot on strike action. As I said, it is not intended to do away with the Whitley Council. The proposal was merely to reconstitute the Whitley Council and I think there should not be any ground for strike action on a matter like this. The intention is to bring the Whitley Council into a proper footing, so that all the unions in the Ministry of Defence would be represented on this Whitley Council.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Defence aware that while, generally speaking, the members of the trade unions do not have any grouse over a reconstitution of the Whitley machinery, nevertheless they maintain that it is their inalienable right that they should be consulted prior to the dissolution of such machinery? This is where matters have gone wrong. There has been no consultation and there has been unilateral and arbitrary action on the part of the Ministry officials.

Tun Haji Abdul Razak: Sir, as I said, we have not taken the right from them. We are merely reconstituting this Whitley Council to bring the other unions into this Whitley Council and once we have brought the other unions in, then there will be full consultation with all the unions.

**MEMANSOKHKAN UNDANG²
KESELAMATAN DALAM NEGERI
(THE INTERNAL SECURITY ACT)**

8. Tuan Mustapha bin Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah Kerajaan akan memansokhkan Undang² Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) untuk di-ganti dengan suatu undang² baharu yang lebih sesuai untuk mahkamah terbuka bagi membicarakan tuduhan² terhadap ahli² siasah di-negeri ini.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak akan membatalkan Rang Undang² Keselamatan Dalam Negeri sa-lagi keselamatan negara di-ancham oleh anasir² subversive dari dalam dan luar negeri yang tidak menghormati Perlembagaan dan yang berazam hendak melaksanakan ideology mereka dengan chara militant dan kekerasan.

**BILANGAN ORANG² YANG
DI-TAHAN DI-BAWAH UNDANG²
KESELAMATAN DALAM NEGERI**

9. Tuan Mustapha bin Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini berapa ramai-kah orang² yang di-tahan di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di-Taiping; di-Batu Gajah; di-Pudu; dan di-Johor Bahru.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, di-Tempat Tahanan Batu Gajah ada 131 orang yang di-tahan. Di-Tempat Tahanan Muar ada 76 orang. Penjara² di-Taiping, Pudu dan Johor Bahru tidak digunakan sa-bagai tempat tahanan di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua: adakah Menteri Muda sedar beliau tidak beri orang² yang di-tahan di-Taiping.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya telah menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Penjara di-Taiping tidak lagi di-gunakan sa-bagai tempat tahanan di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri.

**BILANGAN ORANG YANG
DI-TANGKAP SEBAB MENJUAL
DAN MENANAM GANJA**

10. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) berapa bilangan orang yang telah di-tangkap dalam perkara menjual dan menanam ganja;
- (b) berapa banyak pokok ganja yang di-tanam dan berapa luas tanamannya;
- (c) apa-kah sebab² utama Kerajaan mengharamkan ganja; dan
- (d) kepada siapa-kah ganja itu di-gunakan.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan (a):

- (i) tidak ada sa-orang pun yang di-tangkap berhabit dengan menjual ganja atau "Cannabis Sativa" (panggilan Teknik-nya). Akan tetapi 12 orang telah di-tangkap dalam tahun 1966 dan 22 orang lagi dalam tahun 1967 kerana di-dapati mempunyai ganja.
- (ii) 18 orang telah di-tangkap dalam tahun 1966 dan 3 orang lagi dalam tahun 1967 berhabit dengan menanam ganja.

Jawapan kepada bahagian (b):

- (i) jumlah pokok ganja yang di-tanam dalam tahun 1966 ia-lah 5,859 manakala dalam tahun 1967, 27,496 pokok.
- (ii) luas tempat penanaman ganja ada-lah tidak di-ketahui, oleh sebab ia ada-lah di-haramkan dan hanya di-tanam di-tempat² yang tersembunyi di-chelah² pokok lain.

Jawapan kepada bahagian (c):

ganja ada-lah di-haramkan oleh Kerajaan, sebab ia ada-lah salah satu daripada ubat² yang merbahaya di-bawah "Dangerous Drugs Ordinance".

Jawapan kepada bahagian (d)

ganja ada-lah di-haramkan daripada di-guna oleh semua orang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya ingin tahu atas jawapan yang di-berikan oleh Setia-usaha Parliamen kepada Menteri Kewangan, di-antara ganja dengan chokelat berahi itu menurut pandangan Kerajaan, mana lebeh merbahaya kepada mudamudi atau ra'ayat negeri ini dan adakah Kerajaan akan mengharamkan kedua² benda ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ini bukan doktor, tetapi dari segi Kementerian Kewangan dalam soal ini, ganja ada-lah satu perkara yang membahayakan dan di-haramkan.

PERTUMBOHAN EKONOMI MALAYSIA TAHUN 1967

11. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kewangan bersabit dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tahun 1967 nyatakan berapa :

- (a) Pendapatan eksept;
- (b) tanaman modal bersendirian;
- (c) pendapatan² lain dari puncha² luar negeri sa-lain dari pendapatan impot dan eksept;
- (d) apa-kah kemajuan yang telah tercapai dalam lapangan perdagangan dengan negara² dalam Blok Komunis.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-anggarkan sekarang bahawa Keluaran Kasar Negara ya'ani Gross National Product dalam tahun 1967 berjumlah \$9,713 juta dan ini ada-lah 3.9% bertambah dari tahun yang dahulu-nya.

- (a) Pendapatan ekspot bagi tahun itu di-anggarkan berjumlah sa-banyak \$4,139 juta atau pun 3.5% kurang dari tahun 1966. Jumlah pendapatan ini ada-lah merupa-

kan sa-banyak lebeh kurang 42.6% daripada Keluaran Kasar Negara.

- (b) Tanaman modal kasar persendirian di-anggarkan sa-banyak \$1,128 juta bagi tahun 1967. Ini ada-lah 2% kurang dari tahun 1966. Perbelanjaan tanaman modal tersebut merupakan lebeh kurang 11.6% daripada Keluaran Kasar Negara.
- (c) Pendapatan² lain puncha dari luar negeri ada-lah terkumpul di-dalam perkara yang di-namakan "perkhidmatan". Di-dalam tahun 1967, jumlah penerimaan daripada perkhidmatan ada-lah lebeh kurang \$460 juta berbanding dengan pembayaran yang ber-jumlah lebeh kurang \$890 juta.
- (d) Kemajuan yang tercapai setakat ini di-lapangan perdagangan dengan negara² di-dalam Blok Komunis belum-lah menunjukkan perkembangan yang sangat besar. Ada-lah menjadi harapan kita bahawa dengan tertuboh-nya perhubungan diplomatik dengan sa-bahagian daripada negeri² di-dalam Blok Komunis dan penempatan wakil² perdagangan kita di-tempat² itu, kemajuan yang lebeh lagi akan tercapai di-masa yang tidak lama lagi.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan dalam bahagian (d). Dengan wujud-nya perhubungan rapat dan mesra kita dengan Russia tidak-kah Kerajaan sedar bahawa kita telah di-iri-hati oleh sa-tengah² negara Eropah dan Amerika dan dengan itu kita kkuatir segala permintaan pinjaman, atau bantuan daripada negeri² itu akan di-halang. Apa ikhtiar Kerajaan untuk mengatasi hal ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Kerajaan tidak sedar akan iri-hati itu dan kalau sa-kira-nya timbul iri hati, itu ada-lah soal mereka. Tetapi sa-panjang yang di-ketahui bahawa hubungan rapat dalam lapangan perdagangan dan sa-bagai-nya ini tidak-lah melibatkan hubungan kita dengan negeri² demokrasi barat. Sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Teramat Mulia

Perdana Menteri pada hari sa-malam dan beberapa hari yang lepas, kita bersahabat dengan semua negeri.

PENYELUDUPAN BERAS DARI MALAYSIA KA-INDONESIA

12. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kementerian-nya sedar bahawa kira² 40 tan beras dari Malaysia di-seludupkan tiap² hari ka-pelabohan² di-Indonesia, jika sedar, apa-kah tindakan yang sedang di-ambil dan ada-kah langkah² bagi membentaras penyeludupan telah di-masokkan dalam perjanjian perdagangan kita dengan Indonesia baharu² ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak sedar tentang ada-nya beras di-seludupkan walau sadikit pun tiap² hari dari Malaysia ka-pelabohan Indonesia. Langkah² bagi membentaras penyeludupan tidak ada di-masokkan di-dalam Perjanjian Perdagangan di-antara Malaysia dengan Indonesia baharu ini.

